

Abdul Rasheed Ghaffour
Gabenor, Bank Negara Malaysia

Prakata

Ekonomi Malaysia mencatatkan pertumbuhan yang memberangsangkan dan inflasi yang sederhana pada tahun 2024. Pertumbuhan ini dicapai meskipun terdapat cabaran dan peluang yang ketara, serta episod ketidaktentuan pasaran kewangan global yang meningkat dan berterusan pada sepanjang tahun. Ketidaktentuan ini dipengaruhi oleh peralihan jangkaan mengenai pergerakan kadar faedah global, kebimbangan berterusan mengenai tekanan inflasi dan peningkatan ketegangan geopolitik. Perkembangan global ini telah memberikan kesan limpahan kepada Malaysia. Walau bagaimanapun, dengan kedudukannya yang kukuh, ekonomi Malaysia dapat menyerap kejutan-kejutan ini. Kesan terhadap keadaan ekonomi dalam negeri dan kewangan domestik dapat dibendung. Keadaan ini juga membolehkan Malaysia meneruskan pembaharuan struktur yang sangat penting untuk memperkukuh daya tahan dan meningkatkan prospek negara.

Bank Negara Malaysia (BNM) terus komited dalam melaksanakan peranannya dalam menggalakkan kestabilan monetari dan kewangan yang kondusif untuk pertumbuhan yang mampan. Jawatankuasa Dasar Monetari menumpukan perbincangannya kepada prospek pertumbuhan dan inflasi dalam persekitaran pembaharuan dasar yang dilaksanakan oleh Kerajaan. Dengan mengambil kira semua faktor ini, Jawatankuasa Dasar Monetari mengekalkan Kadar Dasar Semalaman (Overnight Policy Rate, OPR) pada kadar yang sama sepanjang tahun dengan penilaian bahawa pendirian dasar monetari kekal menyokong ekonomi Malaysia.

Volatiliti ringgit meningkat sepanjang tahun, dipengaruhi oleh perkembangan global. Keadaan ini konsisten dengan trend mata wang lain. BNM terus fokus dalam memastikan mudah tunai yang mencukupi dan fungsi pasaran kewangan yang teratur. Keadaan ini sangat penting bagi memastikan perniagaan dapat memenuhi semua keperluan mata wang asing mereka. Tindakan terselaras dengan Kerajaan sejak bulan Februari 2024 juga menggalakkan aliran dua hala yang lebih

seimbang dalam pasaran pertukaran asing domestik. Dengan redanya ketidaktentuan global dan peningkatan dalam keyakinan pelabur terhadap prospek Malaysia, tahun 2024 berakhir dengan ringgit yang lebih kukuh. Ringgit mengakhiri tahun 2024 sebanyak 2.7% lebih tinggi berbanding dolar AS dan 7.5% lebih tinggi berbanding rakan dagangan utama Malaysia secara amnya.

Lebih menggalakkan, pelaburan yang diluluskan di Malaysia mencapai rekod tertinggi pada tahun 2024, dengan kemajuan yang baik bagi projek berbilang tahun oleh sektor swasta dan awam. Yang penting ialah peningkatan kitaran semasa dipacu oleh pelaburan yang berkualiti daripada pihak dalam dan luar negeri, selaras dengan Aspirasi Pelaburan Nasional. Memandangkan aspirasi ini digarap dengan baik dan disepadukan dalam perumusan strategi nasional, termasuk Pelan Induk Perindustrian Baharu, Pelan Hala Tuju Peralihan Tenaga Negara dan Strategi Semikonduktor Kebangsaan, kami percaya bahawa pelaburan bernilai tinggi ini berpotensi untuk menghasilkan pulangan yang menggalakkan pada tahun-tahun akan datang. Keadaan ini akan menjadi pemangkin kepada kitaran yang menjanjikan pertumbuhan yang lebih inklusif dan mampan, termasuk melalui pekerjaan bergaji tinggi untuk rakyat dan menganjak Malaysia menjadi sebuah negara berpendapatan tinggi.

Yang ketara, keyakinan terhadap prospek pertumbuhan jangka panjang Malaysia juga meningkat berikutan komitmen Kerajaan terhadap pembaharuan. Tumpuan berterusan Kerajaan untuk mengoptimumkan perbelanjaan melalui rasionalisasi subsidi merupakan langkah penting dalam mengukuhkan kedudukan fiskal Malaysia. Selain disiplin fiskal, inisiatif untuk mengukuhkan dasar perindustrian dan daya tahan iklim mengetengahkan keupayaan Malaysia untuk sentiasa membuat pembaharuan serta akan meningkatkan lagi potensi pertumbuhan Malaysia pada masa hadapan. Selaras dengan mandat kami, BNM akan terus menyokong dan menasihati Kerajaan dalam usaha untuk memajukan Malaysia. Selanjutnya, portal Invest Malaysia yang telah dilancarkan akan berfungsi sebagai platform untuk pelabur mendapatkan akses yang lebih mudah kepada maklumat mengenai peluang pelaburan di Malaysia.

Sektor kewangan terus memenuhi keperluan dan permintaan bagi pembangunan ekonomi Malaysia. Yang ketara, sektor kewangan terus meningkatkan usaha untuk menerapkan pendigitalan, mempercepat kewangan berasaskan nilai dan meningkatkan kesejahteraan kewangan rakyat Malaysia. Pada masa prakata ini digarap, tiga pemohon bank digital telah memulakan operasi. Dua lagi bank digital telah menerima lesen dan akan mula menawarkan produk kewangan kepada orang ramai secara berperingkat. BNM akan membuka peluang kepada pihak yang berminat untuk memohon lesen insurans dan takaful digital pada tahun ini. Kemajuan seterusnya telah dicapai dalam usaha BNM untuk membanteras penipuan kewangan. National Fraud Portal yang dilancarkan pada tahun 2024 meningkatkan keberkesanan Pusat Respons Penipuan Kebangsaan dengan ketara, sekali gus membolehkan pengesanan wang yang dicuri dengan lebih cepat dan seterusnya meningkatkan prospek wang dikembalikan. Pada tahun 2024, BNM mencapai kemajuan yang ketara dalam mengembangkan pembayaran rentas sempadan. Hal ini termasuk memajukan lagi Projek Nexus, iaitu usaha serantau yang diselaraskan untuk menambah baik kepantasan, kos, ketelusan dan akses kepada pembayaran rentas sempadan.

Dalam usaha memajukan kewangan berasaskan nilai, BNM menerapkan sistem kewangan yang lebih inklusif dan mampan. Kewangan sosial terus diperluas melalui iTEKAD, iaitu program induk (*umbrella programme*) yang bertujuan membantu usahawan mikro berpendapatan rendah. Setakat ini, kira-kira 10,000 peserta telah menerima manfaat, dengan ramai yang beralih daripada status penerima zakat kepada penyumbang zakat dan kini menjana peluang pekerjaan dalam komuniti setempat. Dalam bidang kewangan Islam, saya bangga untuk berkongsi bahawa Malaysia terus diiktiraf sebagai mempunyai ekosistem yang paling komprehensif pada peringkat global. Saya yakin kedudukan dan kekukuhan Malaysia dalam memajukan inovasi dan hasil impak menerusi instrumen kewangan Islam boleh dimanfaatkan untuk meningkatkan lagi hasil bagi merealisasikan hala tuju pembangunan yang lebih dinamik, inklusif dan mampan di dalam negeri dan pada peringkat global. Sejajar dengan agenda MIFC, kami berhasrat untuk mengukuhkan jalinan dan kerjasama antarabangsa dalam kewangan Islam, seperti yang sedang dilaksanakan oleh BNM dan melalui Majlis Kepimpinan MIFC (MIFC Leadership Council, MLC). Berkenaan pembiayaan hijau, permintaan dan pemberian dana semakin meningkat di bawah Kemudahan Peralihan Rendah Karbon serta Kemudahan Teknologi Tinggi dan Hijau. Selain itu, program Penghijauan Rantaian Nilai mencapai kemajuan seterusnya dengan lebih 150 PKS memulakan laporan data pelepasan. Sukacita juga dimaklumkan bahawa institusi kewangan semakin banyak menawarkan pembiayaan dan penyelesaian berkaitan hijau dan peralihan. Perkembangan ini menunjukkan bahawa sektor kewangan mencapai kemajuan berterusan dalam menyokong peralihan Malaysia secara teratur kepada ekonomi yang lebih lestari.

Kemajuan turut dicapai dalam meningkatkan kesejahteraan kewangan. Pembentangan Rang Undang-Undang Kredit Pengguna di Parlimen pada tahun 2025 dan seterusnya pembentukan Suruhanjaya Kredit Pengguna akan membuka lembaran baharu dalam mengubah landskap pengawalseliaan kredit pengguna. Pada masa yang sama, inisiatif terus diambil untuk menambah baik dan meningkatkan tahap celik kewangan dan keupayaan kewangan orang ramai. Dapatan daripada Kaji Selidik Keupayaan dan Rangkuman Kewangan dari Segi Permintaan bagi Tahun 2024 menekankan keperluan mendesak untuk mempercepat usaha ke arah memantapkan perilaku dan sikap berhubung dengan kewangan. Hal ini disebabkan oleh trend semasa, termasuk penggunaan perkhidmatan kewangan digital yang semakin meningkat dan cabaran kos sara hidup yang berterusan. Kami akan meneliti dapatan ini bagi merangka langkah seterusnya dalam usaha kami untuk meningkatkan tahap celik kewangan, termasuk melalui Strategi Literasi Kewangan Kebangsaan Kedua oleh Jaringan Pendidikan Kewangan (Financial Education Network, FEN).

Pada tahun 2024, BNM dan industri kewangan juga berusaha untuk memastikan insurans/takaful perubatan dan kesihatan (*medical and health insurance/takaful,* MHIT) swasta adalah mampan dan mampu dimiliki pada jangka panjang. Meskipun terdapat cabaran dalam melaksanakan usaha ini, perhatian yang diperbaharui dan lebih mendalam terhadap perkara ini telah menarik tumpuan pihak berkepentingan utama untuk menangani punca utama inflasi kos perubatan yang tinggi. Sesungguhnya, isu yang kompleks ini memerlukan tindakan bersepadu daripada semua pihak berkepentingan dalam ekosistem penjagaan kesihatan, termasuk Kementerian Kesihatan Malaysia, penyedia penjagaan kesihatan swasta serta industri insurans dan takaful. Saya percaya bahawa melalui dialog yang terbuka dan telus serta kesediaan dan azam yang teguh untuk bertindak, secara kolektif kita boleh mencapai penyelesaian yang mampan dan boleh dilaksanakan bagi menangani isu yang kompleks dan berlarutan ini.

Selaras dengan usaha untuk membina daya tahan dan mengekalkan kestabilan sektor kewangan, BNM juga terus melaksanakan program pengawalan dan penyeliaan yang terperinci. Usaha sedang dijalankan untuk meningkatkan kesiapsiagaan sektor kewangan dalam menangani krisis. Termasuk dalam usaha ini ialah langkah-langkah untuk memantapkan daya tahan infrastruktur pasaran kewangan Malaysia. Terdapat juga usaha untuk mengekalkan dan mengukuhkan kedudukan modal dan mudah tunai institusi kewangan. Kami juga terus mencapai kemajuan dalam menyepadukan risiko berkaitan iklim dalam aspek pengawalan kehematan dan penyeliaan.

Bagi tahun ini dan seterusnya, persekitaran ekonomi dan kewangan global tertakluk pada ketidaktentuan yang tinggi. Keadaan ini mencerminkan terutamanya perkembangan geopolitik yang sedang berlaku berhubung dengan sekatan perdagangan mahupun bukan perdagangan. Sebagai sebuah ekonomi yang kecil dan terbuka, Malaysia tidak terkecuali daripada perkembangan global ini.

Meskipun demikian, kepelbagaian struktur ekonomi negara dan dasar yang meluas memberikan daya tahan dan ketangkasan kepada negara untuk mengharungi cabaran-cabaran ini. Kami yakin bahawa secara keseluruhan, pertumbuhan ekonomi Malaysia akan kekal stabil dengan tekanan inflasi kekal terkawal. BNM komited untuk memastikan persekitaran makroekonomi dan kewangan yang stabil, dan akan terus memastikan bahawa rangka kerja dasar monetari kekal relevan dan berkesan dalam landskap operasi yang berubah-ubah. Langkah ini adalah untuk mewujudkan latar belakang yang kondusif supaya Malaysia boleh menggandakan usaha pembaharuan bagi membina ekonomi yang lebih kukuh pada masa hadapan. Dengan kemajuan yang terus dicapai dalam aspek pembaharuan fiskal, sumber yang tersedia boleh digunakan untuk pelaburan bagi mengukuhkan antara lainnya, pembaharuan perlindungan sosial, pendidikan dan infrastruktur penjagaan kesihatan. Pembaharuan ini akan menghasilkan pulangan jangka panjang serta menjamin pertumbuhan yang mampan dan inklusif untuk generasi rakyat Malaysia pada masa hadapan.

Sebagai pengerusi ASEAN pada tahun 2025, Malaysia berpeluang untuk menyumbang secara bermakna pada peringkat serantau dan global. Dalam keadaan dunia yang semakin mengalami polarisasi, haluan progresif dan pragmatik ASEAN menuju integrasi serantau yang lebih tinggi kini terserlah. BNM akan memainkan peranan untuk menerajui inisiatif bagi memajukan kesalinghubungan pembayaran, kewangan yang lestari dan jaringan keselamatan serantau.

Meskipun masih terdapat ketidaktentuan pada peringkat global, BNM akan terus melaksanakan mandatnya dengan setia dan membina kepercayaan rakyat. Bersama-sama saya dalam usaha ini ialah rakan seperjuangan yang berdedikasi. Usaha berterusan dan ketekunan mereka membolehkan BNM melaksanakan mandatnya secara konsisten, meskipun ketika berhadapan dengan cabaran. Bagi pihak Lembaga Pengarah dan Pengurusan, saya ucapkan terima kasih yang setulusnya dan tidak terhingga kepada semua kakitangan atas sokongan dan profesionalisme mereka yang tidak berbelah bahagi. Mengukuhkan nilai teras integriti, kerjasama, kepelbagaian dan kecemerlangan terus menjadi keutamaan BNM dengan disokong oleh usaha transformasi budaya kami. Hal ini penting dalam usaha membangunkan dan mengekalkan tenaga kerja yang teguh yang merupakan aset terpenting BNM. Usaha ini dilengkapi inisiatif untuk memodenkan infrastruktur, sistem dan proses BNM. Kami juga berusaha bersungguh-sungguh untuk menerapkan amalan yang lebih lestari dan berdaya tahan iklim sebagai sebuah organisasi dan dengan rasa bangga memasukkan penzahiran pelepasan Skop 1 dan Skop 2 buat kali pertama dalam laporan tahun ini. Langkah ini membuka laluan untuk peralihan BNM ke arah organisasi sifar bersih, sejajar dengan aspirasi sifar bersih Malaysia.

Saya juga ingin merakamkan penghargaan kepada Lembaga Pengarah atas sokongan mereka yang tidak ternilai. Dengan bimbingan mereka, BNM akan terus menunaikan mandat yang diamanahkan kepada institusi kami oleh rakyat Malaysia dengan standard profesionalisme dan integriti tanpa kompromi demi manfaat rakyat dan negara untuk generasi akan datang.



Abdul Rasheed Ghaffour